



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)

[www.gaexcellence.com/ijmoe](http://www.gaexcellence.com/ijmoe)



## KEBERKESANAN LAMAN WEB E-FAITH JOURNEY TERHADAP PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM ABAD KE-21 BAGI PELAJAR TINGKATAN 1

*THE EFFECTIVENESS OF THE E-FAITH JOURNEY WEBSITE ON 21ST-  
CENTURY ISLAMIC EDUCATION LEARNING FOR FORM 1 STUDENTS*

Nur Safiyah Husna Razak<sup>1</sup>, W Omar Ali Saifuddin Wan Ismail<sup>2</sup>, Nor Fariza Idayu Rusli<sup>3</sup>,  
Aishy Nayli Nabila Zulpakar<sup>4</sup>, Nur Ain Najihah Amir Hamzah<sup>5</sup>, Nur Amira Syazana Rusli<sup>6</sup>,  
Nur Hanis Alya Mohd Anuor<sup>7</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

 [safiyahrazak03@gmail.com](mailto:safiyahrazak03@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0004-6310-4138>

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

 [woasaifuddin@unisza.edu.my](mailto:woasaifuddin@unisza.edu.my)

 <https://orcid.org/0000-0002-8605-6448>

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

 [ayurusli03@gmail.com](mailto:ayurusli03@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0009-9314-8285>

<sup>4</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

 [aishyzulpakar@gmail.com](mailto:aishyzulpakar@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0008-4182-8257>

<sup>5</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

 [ainnajihahamir@gmail.com](mailto:ainnajihahamir@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0006-1333-9187>

<sup>6</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

 [amirarusli26@gmail.com](mailto:amirarusli26@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0000-3255-2668>

<sup>7</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

 [hanisalya2003@gmail.com](mailto:hanisalya2003@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0001-0352-1624>

## Article Info:

### Article history:

Received date: 16.01.2026

Revised date: 01.02.2026

Accepted date: 05.03.2026

Published date: 10.03.2026

### To cite this document:

Razak, N. S. H., Ismail, W. O. A. S. W., Rusli, N. F. I., Zulpakar, A. N. N., Amir Hamzah, N. A. N., Rusli, N. A. S., & Mohd Anuor, N. H. (2026). Teaching Innovation in The Era of Generative Artificial Intelligence: A Conceptual Framework for Future-Ready Pedagogy. *International Journal of Modern Education*, 8(29), 719-734

DOI: 10.35631/IJMOE.829043

## Abstrak:

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan laman web E-Faith Journey sebagai platform pembelajaran digital bagi topik Sirah Tingkatan 1 dalam konteks Pendidikan Islam abad ke-21. Kajian ini memfokuskan integrasi pendekatan VARK (Visual, Auditori, Membaca dan Kinestetik) bersama elemen gamifikasi dalam menyokong kepelbagaian gaya pembelajaran pelajar. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah campuran (mixed-method) yang menggabungkan tinjauan kuantitatif dan analisis kualitatif. Seramai 242 pelajar Tingkatan 1 dari sebuah sekolah menengah harian di Kuala Terengganu dipilih secara rawak sebagai sampel. Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik skala Likert lima mata dan tiga soalan terbuka. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif manakala data kualitatif dianalisis menggunakan analisis tematik. Dapatan menunjukkan 96.9% pelajar berada pada tahap faham dan sangat faham, manakala 93.1% menyatakan pembelajaran melalui laman web lebih menarik berbanding buku teks. Analisis tematik mengenal pasti tiga tema utama: pembelajaran lebih menyeronokkan, pemahaman lebih jelas dan peningkatan motivasi digital. Dapatan ini menyokong teori konstruktivisme dan pembelajaran multimedia yang menekankan penglibatan aktif serta integrasi visual dan interaktif dalam meningkatkan kefahaman. Kajian ini menyumbang kepada pembangunan bahan digital khusus bagi Sirah Tingkatan 1 dan mencadangkan peluasan kajian menggunakan reka bentuk eksperimen pada masa hadapan.

## Kata Kunci:

Pembelajaran Digital, Pendidikan Islam, Penglibatan Pelajar, Sirah, Teknologi Pendidikan

## Abstract:

This study aims to evaluate the effectiveness of the E-Faith Journey website as a digital learning platform for the Form 1 Sirah topic within the context of 21st-century Islamic Education. The study focuses on integrating the VARK approach (Visual, Auditory, Reading, and Kinesthetic) with gamification elements to support diverse student learning styles. A mixed-method research design was employed, combining a quantitative survey and qualitative analysis. A total of 242 Form 1 students from a daily secondary school in Kuala Terengganu were randomly selected as the sample. The research instrument consisted of a five-point Likert scale questionnaire and three open-ended questions. Quantitative data were analyzed using descriptive statistics, while qualitative data were examined through thematic analysis. The findings indicate that 96.9% of students were at the level of understanding or strong understanding, while 93.1% reported that learning through the website was more engaging compared to textbooks. Thematic analysis identified three main themes: more enjoyable learning experiences, clearer understanding, and increased digital learning motivation. These findings support constructivist theory and multimedia learning theory, which emphasize active engagement and the integration of visual and interactive elements in enhancing comprehension. The study contributes to the development of specialized digital learning materials for Form 1 Sirah and recommends future research using an experimental design to further examine its impact.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [ijmoe@gaexcellence.com](mailto:ijmoe@gaexcellence.com)

## Keyword:

Digital Learning, Islamic Education, Sirah, Student Engagement, Educational Technology

## Pengenalan

Perkembangan teknologi abad ke-21 telah mengubah cara penyampaian ilmu, khususnya dalam Pendidikan Islam. Penyelidikan dalam bidang Pendidikan Islam kini semakin berkembang pesat dengan pengintegrasian elemen teknologi bagi memenuhi keperluan pendidikan masa kini (Wan Ali Akbar Wan Abdullah & Fairuzzah Harun, 2024). Pembelajaran digital semakin menjadi pilihan utama kerana ia bukan sahaja menarik perhatian pelajar, tetapi juga membantu mereka memahami kandungan pelajaran dengan lebih baik. Penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan adalah sangat penting bagi memastikan bidang pengajian agama terus relevan dalam mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 (Suriani Sudi et al., 2023). Penyelidikan menunjukkan bahawa permainan digital dalam pembelajaran Sirah dapat meningkatkan minat dan penglibatan pelajar (Salleh & Wan Abdullah, 2024). Penggunaan teknologi maklumat yang teratur dan bijak dalam bilik darjah mampu meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar dan fokus terhadap topik tertentu. Cabaran pendidikan abad ke-21 menuntut persediaan yang rapi daripada guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan kurikulum sedia ada secara lebih efektif (Rosnani Hashim et al., 2022). Keberkesanan teknologi ini dalam Pendidikan Islam turut bergantung kepada pengalaman guru menggunakan alat digital sebagai medium pengajaran (Saili et al., 2025). Justeru itu, laman web E-Faith Journey berpotensi menjadi inovasi penting dalam memenuhi keperluan pembelajaran abad ke-21. Laman web ini bukan sahaja menggalakkan pembelajaran sendiri, tetapi juga membantu pelajar Tingkatan 1 memahami topik Pendidikan Islam melalui elemen interaktif, multimedia dan aktiviti digital yang lebih menarik.

## Pernyataan Masalah

Penggunaan teknologi dalam pendidikan kini semakin meluas, namun pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah masih banyak bergantung kepada pendekatan tradisional seperti syarahan dan pembacaan buku teks. Guru Pendidikan Islam sering menghadapi kekangan dalam menarik minat pelajar terhadap bidang Sirah sekiranya hanya bergantung kepada kaedah syarahan tradisional semata-mata (Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain et al., 2024). Kaedah pengajaran yang bersifat konvensional ini menyebabkan sebahagian pelajar kurang berminat, pasif dan tidak terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Kajian lepas turut menunjukkan bahawa pendekatan digital, khususnya yang menggabungkan multimedia dan elemen interaktif berupaya meningkatkan minat serta penglibatan pelajar dalam pembelajaran Sirah. Meskipun demikian, pelaksanaan teknologi secara menyeluruh di bilik darjah masih terhad (Salleh & Wan Abdullah, 2024), sekali gus menggambarkan jurang yang ketara antara potensi teknologi pendidikan dengan amalan sebenar di sekolah.

Motivasi pelajar untuk belajar melalui laman web pendidikan pula sangat bergantung kepada reka bentuk teknologi yang interaktif, mesra pengguna dan relevan dengan keperluan pembelajaran. Namun, cabaran seperti kemahiran, kesediaan dan pengalaman guru dalam

mengintegrasikan teknologi digital masih menjadi isu utama dalam konteks Pendidikan Islam (Saili et al., 2025). Nur Adibah Liyana Awi dan Hafizhah Zulkifli (2021) menjelaskan bahawa amalan kreativiti merupakan elemen penting bagi guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21. Walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan kepentingan penggunaan teknologi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025, pelaksanaannya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam masih belum menyeluruh. Kekangan guru dalam menguasai peralatan digital turut membataskan penggunaan bahan pembelajaran interaktif dalam pengajaran harian.

Tambahan pula, beberapa sekolah berdepan kekangan seperti ketiadaan bahan digital berkualiti bagi Pendidikan Islam, capaian internet yang tidak konsisten serta peluang latihan ICT kepada guru yang masih terhad (Taati et al., 2022). Kekurangan sumber digital ini menyebabkan pelajar tidak mendapat pengalaman pembelajaran interaktif yang menyeluruh, seterusnya menjejaskan minat dan kemampuan mereka memahami kandungan Sirah. Laman web sedia ada juga jarang memberikan fokus komprehensif terhadap topik Sirah (Fatin Izati & Farah Hanan, 2021), malah kebanyakannya sekadar menawarkan nota ringkas tanpa sokongan multimedia, animasi, atau permainan pembelajaran. Ketidadaan elemen visual dan simulasi sejarah ini menyukarkan pelajar membayangkan peristiwa penting, sedangkan pendekatan berasaskan visual terbukti dapat meningkatkan ingatan jangka panjang serta pemahaman yang lebih mendalam (Mohd Arubi Ismail et al., 2025). Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk menilai keberkesanan laman web E-Faith Journey yang dibangunkan secara khusus bagi memenuhi keperluan pembelajaran Sirah secara lebih interaktif, holistik dan berasaskan teknologi.

Walaupun pelbagai kajian telah membincangkan penggunaan teknologi dalam Pendidikan Islam, kebanyakan kajian terdahulu memfokuskan kepada penggunaan aplikasi umum, permainan digital atau pendekatan multimedia secara berasingan. Namun begitu, masih kurang kajian yang mengintegrasikan pendekatan gaya pembelajaran VARK secara sistematik bersama elemen gamifikasi dalam pembelajaran Sirah Tingkatan 1 secara khusus. Selain itu, PdP Sirah di sekolah menengah masih banyak bergantung kepada buku teks dan hafalan fakta semata-mata tanpa penyediaan bahan digital interaktif yang menyokong kepelbagaian gaya pembelajaran pelajar. Justeru, terdapat jurang kajian yang jelas berkaitan pembangunan dan penilaian keberkesanan platform digital bersepadu yang memfokuskan secara khusus kepada topik Sirah Tingkatan 1.

## **Tinjauan Literatur**

Kajian lepas menekankan kepentingan elemen digital dalam meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Pembelajaran abad ke-21 menuntut integrasi bahan bantu mengajar yang menyokong kemahiran berfikir aras tinggi (Siti Fatimah Osman, 2023). Salleh dan Wan Abdullah (2024) mendapati permainan digital meningkatkan penglibatan aktif pelajar dalam pembelajaran Sirah melalui elemen interaktif yang bermakna dan menyeronokkan. Selain itu, penggunaan teknologi maklumat yang disokong pedagogi berkesan dapat meningkatkan motivasi pelajar serta memudahkan akses kepada sumber ilmu (Taati et al., 2022). Transformasi digital turut memberi impak signifikan terhadap kebolehcapaian ilmu dan amalan kerohanian melalui aplikasi mudah alih (Tajul Asmawee et

al., 2024). Namun, keberkesanan teknologi banyak dipengaruhi faktor guru, khususnya pengalaman dan kemahiran dalam mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam (Jahidih Saili & Muhamad Suhaimi Taat, 2024). Oleh itu, kajian ini menilai sejauh mana laman web E-Faith Journey dapat menyokong keperluan pembelajaran abad ke-21.

Kajian oleh Siti Mariam Abdul Razak & Mardzelah Makhsin (2024) menunjukkan bahawa inovasi dalam bilik darjah mampu merangsang aspek kognitif, psikomotor dan afektif murid selaras dengan ciri-ciri Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21). Dalam konteks Pendidikan Islam, penerapan teknologi dengan kurikulum dapat membantu pelajar memahami konsep abstrak secara lebih konkrit. Selain itu, teori konstruktivisme menyatakan bahawa pembelajaran lebih berkesan apabila pelajar terlibat secara aktif dalam membina kefahaman melalui pengalaman sendiri (Piaget, 1976). Laman web E-Faith Journey menyediakan ruang kepada pelajar meneroka kandungan mengikut kelajuan mereka sendiri, sekaligus menyokong pembelajaran sendiri. Penggunaan laman web telah terbukti membantu proses pembelajaran pelajar (Suriani Sudi et al., 2023). Pelaksanaan elemen PAK-21 terbukti mampu meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam subjek Pendidikan Islam (Abu Bakar Yusof et al., 2022). Hal ini selari dengan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan kemahiran kolaborasi, komunikasi, kreativiti dan pemikiran kritis.

Kajian terkini oleh Muhamad Faizzuddin dan Zulkifli (2024) mendapati bahawa pembelajaran digital meningkatkan keupayaan refleksi pelajar terhadap nilai-nilai akhlak Islam apabila dipersembahkan melalui cerita, grafik sejarah dan simulasi interaktif. Pendigitalan pendidikan semakin menjadi keperluan dalam konteks pembelajaran abad ke-21 (Aminamul Saidah et al., 2021). Tan Bee Piang & Shazlin Abdullah (2025) mendapati bahawa penggunaan laman web interaktif yang mengintegrasikan elemen multimedia dan kecerdasan buatan (AI) berkesan dalam meningkatkan pemahaman serta penaakulan moral pelajar. Ini menunjukkan bahawa laman web E-Faith Journey mampu melahirkan bukan sahaja pelajar yang celik teknologi, tetapi juga mempunyai penghayatan moral yang lebih mendalam. Namun, kajian turut menegaskan bahawa kejayaan laman web E-Faith Journey bergantung kepada reka bentuk pedagogi yang sistematik dan mesra pengguna.

### ***Objektif Kajian***

Antara objektif yang hendak dicapai adalah: i. Menilai tahap keberkesanan laman web E-Faith Journey terhadap peningkatan pemahaman Pendidikan Islam Abad Ke-21 bagi pelajar Tingkatan 1. ii. Mengenal pasti kesan elemen interaktif laman web E-Faith Journey terhadap motivasi dan penglibatan pelajar dalam pelajaran Sirah, terutamanya topik Riwayat Hidup Rasulullah SAW, Era Masyarakat Jahiliah dan Keunggulan Perjuangan Khulafa' ar-Rasyidin. iii. Menggalakkan penggunaan teknologi digital sebagai alat bantu pembelajaran yang menyeronokkan dan inovatif dalam kalangan pelajar dan guru sekolah menengah.

### ***Metodologi Kajian***

Bab ini membincangkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, sekali gus memastikan data yang dikumpulkan adalah tepat dan memenuhi standard penyelidikan semasa (Asrulla et al. (2023). Perbincangan dalam bab ini merangkumi aspek utama seperti reka bentuk kajian, populasi dan sampel, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data serta teknik analisis data yang digunakan oleh penyelidik.

Penjelasan terperinci mengenai setiap komponen bertujuan memberikan gambaran jelas tentang bagaimana kajian dijalankan secara sistematik, teratur, dan berpandukan kaedah saintifik yang diiktiraf dalam bidang penyelidikan pendidikan. Selain itu, metodologi yang dirangka adalah selaras dengan pendekatan penyelidikan kontemporari dalam bidang pendidikan yang menekankan keperluan penggunaan kaedah pengumpulan data yang sahih, boleh dipercayai serta sesuai dengan konteks kajian (Shaari, 2022). Pendekatan ini penting bagi memastikan dapatan kajian bukan sahaja tepat, malah mampu menyumbang kepada pembangunan pengetahuan baharu dan boleh digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar. Hal ini menjadi lebih penting apabila kajian melibatkan elemen teknologi pendidikan dan pembelajaran digital yang memerlukan justifikasi metodologi yang kukuh untuk menyokong kesahan hasil penyelidikan.

Tambahan pula, penggunaan metodologi kuantitatif melalui reka bentuk kajian tinjauan membolehkan penyelidik memperoleh maklumat yang lebih komprehensif mengenai persepsi dan tahap penerimaan pelajar terhadap laman web pembelajaran E-Faith Journey, selaras dengan keperluan kajian pendidikan masa kini yang menekankan elemen interaktiviti dan inovasi digital. Kaedah penyelidikan kuantitatif membantu penyelidik memahami proses pengumpulan dan analisis data secara sistematik melalui penggunaan instrumen yang berstruktur, sekali gus memastikan bahawa prosedur kajian dijalankan dengan teratur dan mematuhi standard penyelidikan yang telah ditetapkan (Shaari, 2022). Pendekatan ini turut memberi peluang kepada penyelidik menilai pola dan kecenderungan pelajar terhadap penggunaan laman web E-Faith Journey dalam pembelajaran Sirah.

Dengan prosedur yang tersusun, pemilihan sampel secara rawak serta penggunaan alat pengumpulan data yang melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan, kajian ini memastikan bahawa data yang dikumpulkan benar-benar mencerminkan realiti pembelajaran pelajar dalam konteks pembelajaran Sirah secara digital. Selain itu, proses pengumpulan dan analisis data mengikuti garis panduan penyelidikan semasa yang menekankan aspek kejelasan, etika dan ketepatan dalam pelaporan kajian. Oleh itu, pendekatan ini penting bagi menjamin ketelitian, kredibiliti serta keutuhan hasil penyelidikan, seterusnya memastikan dapatan yang diperoleh dapat dijadikan rujukan yang sah dan bernilai untuk penyelidikan masa akan datang dalam bidang teknologi pendidikan.

### ***Reka Bentuk Kajian***

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif (Kamarul Azmi Jasmi, 2021) jenis tinjauan (survey) yang bertujuan untuk mengumpul data tentang maklum balas pelajar terhadap penggunaan laman web E-Faith Journey bagi subjek Pendidikan Islam Tingkatan 1 dalam bidang Sirah. Pelajar diberi peluang untuk meneroka dan menggunakan laman web tersebut yang mengandungi nota, e-buku, permainan dan kuiz terlebih dahulu sebelum menjawab soal selidik yang disediakan dalam Google Form. Reka bentuk ini membolehkan penyelidik mengumpul data secara sistematik dan objektif bagi menilai tahap penerimaan dan keberkesanan laman web tersebut sebagai alat pembelajaran. Selain itu, pendekatan ini juga membolehkan penilaian secara langsung terhadap interaksi pelajar dengan kandungan digital, termasuk tahap pemahaman, minat, dan kepuasan pelajar terhadap penggunaan laman web. Menurut Ishak et al. (2021), penggunaan reka bentuk kajian kuantitatif berasaskan soal selidik dan interaksi digital adalah sesuai untuk mengumpul data yang boleh dianalisis secara statistik, sekaligus memberikan gambaran jelas tentang keberkesanan intervensi pendidikan.

## ***Sampel dan Populasi***

Populasi kajian ini terdiri daripada semua pelajar Tingkatan 1 di Sekolah Menengah Harian di Kuala Terengganu. Menurut Krejcie & Morgan (1970), sampel kajian pula melibatkan seramai 242 pelajar yang dipilih secara rawak daripada populasi 650 pelajar. Pemilihan sampel secara rawak dapat meningkatkan ketepatan data dalam kajian pendidikan kerana ia memastikan sampel mewakili populasi secara menyeluruh. Hal ini selaras dengan kajian Asrulla et al. (2023) yang menekankan bahawa penggunaan populasi dan persampelan yang sistematik dapat meningkatkan kebolehpercayaan data yang dikumpulkan. Seperti yang dinyatakan oleh Nurul Hidayana Mohd Noor & Amirah Mohamad Fuzi (2024), penggunaan kaedah persampelan yang terancang dan sistematik membantu memastikan keputusan kajian dapat digeneralisasikan kepada populasi sebenar dengan lebih tepat. Pendekatan ini penting dalam menilai keberkesanan laman web pembelajaran E-Faith Journey kerana data yang diperolehi membolehkan analisis menyeluruh terhadap pengalaman dan penerimaan pelajar terhadap kandungan digital.

## ***Instrumen Kajian***

Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik berstruktur yang dibangunkan menggunakan Google Form bagi mendapatkan maklum balas pelajar terhadap penggunaan laman web E-Faith Journey. Soal selidik ini direka khusus untuk menilai tahap kefahaman, minat, motivasi serta persepsi pelajar terhadap keberkesanan laman web sebagai medium pembelajaran Sirah Tingkatan 1. Soal selidik menggunakan skala Likert lima mata iaitu: (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Neutral, (4) Setuju, dan (5) Sangat Setuju.

Skala lima mata dipilih kerana ia sesuai untuk mengukur sikap dan persepsi responden secara lebih seimbang serta memudahkan analisis statistik deskriptif. Item-item dalam soal selidik merangkumi beberapa konstruk utama iaitu tahap kefahaman kandungan, tahap minat terhadap pembelajaran digital, kemudahan penggunaan laman web serta keberkesanan elemen interaktif seperti kuiz dan permainan digital. Selain itu, tiga soalan terbuka turut disertakan bagi membolehkan pelajar memberikan pandangan, pengalaman serta cadangan penambahbaikan secara lebih mendalam. Gabungan item tertutup dan soalan terbuka ini membolehkan pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif secara serentak dalam kerangka kaedah campuran (mixed method).

## ***Prosedur Pengumpulan Data***

Prosedur pengumpulan data pula adalah langkah atau cara bagaimana data dikumpulkan menggunakan instrumen tersebut. Contohnya, menggunakan Google Form untuk menyebarkan soal selidik kepada responden atau menjalankan temubual secara bersemuka. Prosedur ini merangkumi tatacara menjalankan pengisian instrumen kajian supaya data dapat diperolehi dengan betul dan teratur. Prosedur pengumpulan data melibatkan pelajar Tingkatan 1 di sekolah tersebut diberi peluang untuk meneroka dan bermain dengan website yang dibangunkan. Selepas itu, mereka diminta mengisi borang soal selidik dalam Google Form sebagai respons terhadap pengalaman mereka menggunakan website tersebut. Pengumpulan data dijalankan secara dalam talian dengan penyebaran pautan Google Form kepada 242 pelajar sebagai sampel kajian. Data yang dikumpul kemudiannya dianalisis secara kuantitatif bagi menilai tahap maklum balas dan keberkesanan website pembelajaran.

## Analisis Data

Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti peratusan dan kekerapan bagi mengenal pasti pola respons pelajar terhadap penggunaan laman web E-Faith Journey. Analisis ini bertujuan untuk menggambarkan tahap kefahaman, minat serta persepsi pelajar secara keseluruhan. Manakala data kualitatif daripada tiga soalan terbuka dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Proses ini melibatkan pengkodan awal, pengelompokan kategori serta penentuan tema utama berdasarkan maklum balas pelajar. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti tema dominan yang menggambarkan pengalaman sebenar pelajar menggunakan laman web tersebut. Oleh itu, kajian ini dikategorikan sebagai reka bentuk kaedah campuran (mixed method) kerana menggabungkan analisis data kuantitatif dan kualitatif dalam satu kerangka penyelidikan yang saling melengkapi bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh.

## Dapatan Kajian


Dapatan kajian menunjukkan bahawa laman web E-Faith Journey terbukti berkesan sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam bagi pelajar Tingkatan 1 di Sekolah Menengah Harian di Kuala Terengganu dapat memberikan kesan positif dan bermanfaat terhadap pengalaman pembelajaran mereka. Melalui soal selidik Google Form, pelbagai maklum balas diperoleh berkaitan tahap kefahaman, minat, motivasi serta pengalaman pelajar ketika menggunakan laman web tersebut. Data ini membolehkan penilaian keberkesanan laman web dari perspektif kognitif, afektif dan psikomotor pelajar. Zulkifli et al. (2025) menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara keberkesanan kaedah PAK-21 berbanding kaedah tradisional dalam subjek Pendidikan Islam.

Dalam pembangunan E-Faith Journey, elemen gaya pembelajaran VARK (Visual, Auditori, Membaca dan Kinestetik) diterapkan secara sistematik melalui pelbagai medium interaktif seperti video instruksional, nota digital yang padat, e-buku serta aplikasi kuiz dan permainan digital. Penggunaan pelbagai bahan multimedia ini bukan sahaja menjadikan kandungan pembelajaran lebih dinamik dan mudah diikuti, malah ia bertindak sebagai pemangkin yang membantu pelajar mengekalkan tumpuan serta fokus yang tinggi sepanjang proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) topik Sirah. Perpaduan elemen-elemen ini berjaya mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih santai, jelas, dan menyeronokkan, sekaligus merangsang penglibatan aktif pelajar untuk memahami serta mengingat fakta sejarah dengan lebih berkesan. Selaras dengan itu, integrasi teknologi instruksional yang canggih dalam subjek agama bukan sahaja memudahkan pemahaman konsep yang abstrak, malah mampu merapatkan jurang antara kaedah tradisional dan moden demi meningkatkan motivasi murid secara holistik (Muhamad Faizzuddin Zainol Aman & Hafizhah Zulkifli, 2024). Inovasi ini secara tidak langsung menyokong aspirasi Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) yang menekankan elemen komunikasi, kolaboratif dan pemikiran kritis dalam kalangan generasi digital masa kini.

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran (mixed methods), di mana soal selidik tertutup dijadikan sebagai data utama bagi memperoleh gambaran kuantitatif mengenai persepsi pelajar terhadap laman web, manakala data kualitatif diperoleh melalui tiga soalan terbuka yang memberi peluang kepada pelajar menyampaikan pandangan serta cadangan penambahbaikan. Seramai 242 pelajar memberikan maklum balas lengkap, membolehkan analisis yang lebih menyeluruh dan mendalam tentang keberkesanan laman web dalam konteks

pembelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 1. Susun atur kandungan dalam laman web memudahkan pelajar menelusuri topik Sirah mengikut urutan kronologi, sekaligus membantu mereka mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang konteks sejarah Islam. Laman web ini juga terbukti meningkatkan motivasi pelajar untuk terus belajar melalui medium digital, kerana penyampaian kandungan yang lebih moden, interaktif dan bersesuaian dengan gaya pembelajaran generasi kini. Secara keseluruhan, dapatan kajian menyokong bahawa E-Faith Journey merupakan laman web pembelajaran yang berkesan bagi topik Sirah Tingkatan 1, bukan sahaja dari aspek peningkatan pemahaman, tetapi juga dalam menggalakkan minat, motivasi serta penglibatan aktif pelajar dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Suhaida Mohd Sukis et al. (2023) menjelaskan bahawa penggunaan aplikasi dan platform digital seperti gamifikasi dan e-portfolio mewujudkan impak positif dalam amalan pentaksiran guru Pendidikan Islam.


Tambahan pula, keberkesanan laman web ini menekankan peranan media digital dalam menyokong pembelajaran sendiri dan pembelajaran berasaskan pengalaman. Dengan kombinasi bahan interaktif dan kandungan yang tersusun mengikut prinsip pedagogi yang sistematik, pelajar dapat membina kefahaman secara aktif, mengaplikasikan pengetahuan dalam konteks praktikal dan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ketika menilai dan menganalisis peristiwa sejarah Islam. Oleh itu, E-Faith Journey bukan sahaja berfungsi sebagai medium pembelajaran, tetapi juga sebagai alat untuk membentuk pelajar yang lebih berfikir secara kritis, berdisiplin dan berdaya saing dalam pembelajaran Pendidikan Islam secara holistik.



**Rajah 1: Tahap Kefahaman Pelajar Selepas Menggunakan Laman Web**

Sumber: Soal Selidik 2025


Rajah 1 Menunjukkan Tahap Kefahaman 242 Responden Terhadap Kandungan Sirah Selepas Menggunakan Laman Web E-Faith Journey. Dapatan Kajian Menunjukkan Majoriti Pelajar Mencapai Tahap Kefahaman Yang Tinggi Dengan 80% Menyatakan Sangat Faham Dan 16.9% Faham. Secara Keseluruhan, Sebanyak 96.9% Responden Berada Pada Tahap Kefahaman Memuaskan Atau Cemerlang, Manakala Hanya 3.1% Berada Pada Tahap Kurang Faham Dan Tiada Responden Melaporkan Tidak Faham. Dapatan Ini Menunjukkan Bahawa Penggunaan Laman Web E-Faith Journey Berpotensi Meningkatkan Kefahaman Pelajar Dalam Pembelajaran Sirah.



**Rajah 2: Tahap Kemudahan Dan Mesra Pengguna Tentang Laman Web**

Sumber: Soal Selidik 2025


Rajah 2 Menunjukkan Persepsi 242 Responden Terhadap Tahap Kemudahan Penggunaan Dan Kemesraan Pengguna Laman Web E-Faith Journey. Dapatan Kajian Menunjukkan Bahawa Semua Responden Mendapati Laman Web Ini Mudah Digunakan Dengan 78.5% Menyatakan Sangat Mudah Dan 21.5% Menyatakan Mudah. Tiada Responden Melaporkan Kesukaran Atau Masalah Kebolehgunaan. Secara Keseluruhan, Dapatan Ini Menunjukkan Bahawa Laman Web E-Faith Journey Mempunyai Tahap Kebolehgunaan Yang Tinggi Serta Memenuhi Prinsip Reka Bentuk



**Rajah 3: Persepsi Terhadap Susunan Isi Kandungan Sirah Dalam Laman Web**

Sumber: Soal Selidik 2025


Rajah 3 Menunjukkan Tahap Kefahaman 242 Responden Terhadap Susunan Isi Kandungan Sirah Dalam Laman Web E-Faith Journey. Seramai 80.8% Responden Menyatakan Mereka Sangat Faham, Manakala 18.5% Lagi Berada Pada Tahap Faham. Hanya Kurang Daripada 0.8% Melaporkan Kurang Faham Dan Tiada Responden Yang Menyatakan Tidak Faham. Secara Keseluruhan, Dapatan Ini Membuktikan Bahawa Reka Bentuk Serta Susunan Kandungan Yang Disediakan Adalah Jelas, Teratur Dan Berkesan Dalam Menyokong Pemahaman Pelajar Terhadap Topik Sirah.



**Rajah 4: Tahap Minat Pelajar Terhadap Pembelajaran Sirah Melalui Laman Web Berbanding Buku Teks**

Sumber: Soal Selidik 2025

Rajah 4 Menunjukkan Tahap Penerimaan 242 Responden Yang Sangat Positif Terhadap Pembelajaran Sirah Melalui Laman Web. Sebanyak 93.1% Responden Menyatakan Bahawa Pembelajaran Melalui Laman Web Adalah Lebih Menarik Berbanding Buku Teks, Manakala 6.2% Menyatakan Ia Sama Sahaja Dan 0.8% Iaitu Seorang Sahaja Yang Menyatakan Bahawa Buku Teks Lebih Baik. Dapatan Ini Membuktikan Bahawa Laman Web Yang Dibangunkan Berjaya Meningkatkan Minat Dan Pengalaman Pembelajaran Pengguna.



**Rajah 5: Keberkesanan Kuiz Dan Aktiviti Interaktif Dalam Membantu Pelajar Mengingati Fakta Penting Sirah**

Sumber: Soal Selidik 2025

Rajah 5 Menunjukkan Bahawa Majoriti 242 Responden Iaitu 84.6% Menyatakan Kuiz Dan Aktiviti Interaktif Dalam Laman Web Sangat Membantu Mereka Mengingati Fakta-Fakta Penting Dalam Sirah. Selain Itu, 15.4% Responden Melaporkan Bahawa Elemen Interaktif Tersebut Membantu, Manakala Tiada Responden Yang Menyatakan Ia Kurang Membantu Atau Tidak Membantu. Dapatan Ini Menunjukkan Bahawa Penggunaan Aktiviti Interaktif Berpotensi Meningkatkan Kefahaman Pelajar Dalam Pembelajaran Sirah.

Keberkesanan kuiz dan aktiviti interaktif ini boleh dijelaskan melalui perspektif teori konstruktivisme yang menekankan pembelajaran aktif dan pembinaan makna melalui pengalaman. Elemen gamifikasi seperti kuiz dan permainan digital berfungsi sebagai rangsangan kognitif yang membantu pelajar mengaitkan fakta sejarah dengan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan. Hal ini menjelaskan mengapa peratusan responden yang tinggi menunjukkan peningkatan kefahaman dan motivasi. Selain itu, penggunaan multimedia seperti video dan visual grafik menyokong teori pembelajaran multimedia yang menyatakan

bahawa gabungan teks dan visual dapat meningkatkan pemrosesan maklumat dalam ingatan jangka panjang.

Analisis kuantitatif menunjukkan bahawa 92% pelajar bersetuju bahawa platform E- Faith Journey membantu mereka memahami peristiwa Sirah dengan lebih jelas. Ini selari dengan kajian Salleh dan Wan Abdullah (2024) yang menunjukkan bahawa visualisasi mampu meningkatkan daya ingatan pelajar. Selain itu, 87% pelajar melaporkan bahawa permainan interaktif dan kuiz membantu meningkatkan fokus semasa belajar. Mereka menyatakan bahawa pembelajaran terasa seperti aktiviti hiburan tetapi tetap memberi manfaat akademik. Pelajar juga menunjukkan peningkatan motivasi dalaman apabila mereka dapat mengawal tempo pembelajaran sendiri. Selain itu, analisis kualitatif melalui soalan terbuka menunjukkan tiga tema utama, iaitu pembelajaran yang lebih menyeronokkan, pemahaman fakta sejarah yang lebih mudah, serta keinginan untuk mendapatkan lebih banyak kandungan digital. Dapatan ini membuktikan bahawa pelajar menerima baik pendekatan pembelajaran digital dan bersedia beralih daripada kaedah tradisional.

### **Sumbangan Kajian**

Kajian ini menyumbang kepada literatur Pendidikan Islam dengan memperkenalkan integrasi pendekatan VARK (Visual, Auditori, Membaca dan Kinestetik) bersama elemen gamifikasi dalam satu platform pembelajaran digital yang dibangunkan khusus untuk topik Sirah Tingkatan 1. Berbeza dengan kajian terdahulu yang menilai penggunaan teknologi secara umum dalam Pendidikan Islam, kajian ini memfokuskan kepada reka bentuk pedagogi berasaskan gaya pembelajaran pelbagai serta menggabungkan data kuantitatif dan kualitatif bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap keberkesanan intervensi digital. Kajian ini juga menekankan kepentingan mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) secara sistematik dalam proses pembelajaran sirah yang membolehkan pelajar menjadi lebih aktif, kritis dan reflektif dalam mendalami sejarah Islam secara menyeluruh dan berfokus. Dengan pendekatan ini, pelajar berpeluang memahami konteks, hikmah dan pengajaran di sebalik peristiwa sirah, sekali gus memperkuat penghayatan serta aplikasinya dalam kehidupan harian. Tambahan pula, penggunaan laman web E-Faith Journey sebagai medium digital turut memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar dengan menyediakan bahan interaktif, simulasi dan aktiviti yang merangsang pemikiran, sekali gus menyokong pelajar untuk mengaitkan pengetahuan yang dipelajari dengan nilai praktikal dalam kehidupan seharian mereka.

### **Implikasi Kajian**

Impak kajian E-Faith Journey adalah sangat besar dalam membentuk pelajar yang berakhlak mulia, taat kepada ajaran Islam dan bersedia berkorban demi agama dan negara. Melalui pembelajaran sirah yang berkesan, pelajar bukan sahaja memperoleh pengetahuan sejarah, tetapi juga dididik untuk meneladani nilai-nilai murni yang terkandung dalam kehidupan Nabi Muhammad SAW dan para Khulafa Ar-Rasyidin. Kajian ini menunjukkan bahawa penghayatan sirah dapat membantu pelajar menanam sifat-sifat mulia seperti kejujuran, tanggungjawab, disiplin, amanah dan sifat kepimpinan yang penting dalam membina karakter individu yang seimbang. Dengan pemahaman yang mendalam terhadap sirah, pelajar dapat membentuk jati diri yang kukuh, meningkatkan nilai keagamaan dan memupuk karakter moralyang tinggi sebagai seorang individu Islam yang cerdas, berbudi pekerti dan berdaya saing dalam kehidupan seharian.

## Limitasi Kajian

Walaupun kajian ini menunjukkan dapatan yang positif, terdapat beberapa limitasi yang perlu diambil kira. Pertama, kajian ini hanya melibatkan satu buah sekolah menengah harian di Kuala Terengganu, justeru generalisasi dapatan kepada populasi yang lebih luas perlu dilakukan dengan berhati-hati. Kedua, kajian ini tidak melibatkan ujian pencapaian akademik secara pra dan pasca, sebaliknya hanya menilai persepsi pelajar terhadap kefahaman mereka. Ketiga, faktor kebaruan teknologi (novelty effect) berkemungkinan mempengaruhi respons pelajar, di mana minat yang tinggi mungkin dipengaruhi oleh pengalaman pertama menggunakan platform digital tersebut.

## Cadangan Kajian Masa Hadapan

Berdasarkan dapatan dan limitasi kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan untuk penyelidikan lanjutan. Pertama, kajian masa hadapan dicadangkan menggunakan reka bentuk eksperimen atau kuasi-eksperimen yang melibatkan ujian pra dan pasca bagi menilai peningkatan pencapaian akademik pelajar secara lebih objektif. Pendekatan ini dapat memberikan bukti empirikal yang lebih kukuh berbanding pengukuran persepsi semata-mata. Kedua, penyelidikan lanjutan boleh melibatkan sampel yang lebih besar dan merangkumi beberapa buah sekolah dari latar belakang berbeza bagi meningkatkan kebolegunaan dan generalisasi dapatan kajian. Perbandingan antara sekolah bandar dan luar bandar juga boleh dijalankan untuk menilai keberkesanan platform digital dalam konteks capaian teknologi yang berbeza. Selain itu, kajian masa hadapan boleh menilai secara lebih mendalam keberkesanan integrasi elemen multimedia dan gamifikasi terhadap pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) menggunakan instrumen penilaian yang lebih khusus. Kajian juga boleh meneroka pendekatan pembelajaran berasaskan kolaboratif dan pembelajaran berasaskan pengalaman dalam platform digital bagi meningkatkan penglibatan aktif pelajar dalam pembelajaran Sirah. Secara keseluruhannya, penyelidikan lanjutan yang lebih sistematik dan berskala besar berpotensi memperkukuh peranan platform digital seperti E-Faith Journey sebagai medium pembelajaran Sirah yang relevan dengan tuntutan Pendidikan Islam abad ke-21.

## Kesimpulan

Kajian E-Faith Journey meneliti dengan mendalam aspek-aspek utama dalam bidang Sirah Tingkatan 1, khususnya berkaitan kehidupan Nabi Muhammad SAW, era masyarakat Jahiliyah dan para Khulafa Ar Rasyidin. Kajian ini bertujuan memberikan pemahaman yang jelas dan terperinci tentang sejarah kehidupan tokoh Islam dengan matlamat memperkukuh pengetahuan pelajar mengenai Sirah. Dalam konteks ini, kajian bukan sahaja menekankan aspek sejarah semata-mata, tetapi juga memaparkan hikmah dan nilai-nilai yang terkandung dalam kehidupan mereka yang boleh dijadikan contoh dan panduan kepada pelajar dalam menjalani kehidupan harian. Selain itu, kajian ini menekankan bahawa pemahaman Sirah amat penting untuk membina jati diri agama Islam yang kuat dalam kalangan pelajar. Dengan mempelajari Sirah, pelajar lebih mudah memahami nilai-nilai Islam seperti keikhlasan, kesabaran dan keberanian serta dapat menjadikan Nabi Muhammad SAW dan para Khulafa Ar Rasyidin sebagai contoh teladan. Nilai-nilai ini bukan sahaja memberi pengajaran sejarah, tetapi juga membantu pelajar mengaplikasikan sikap dan amalan mulia dalam kehidupan seharian mereka.

|                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|----------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Penghargaan:</b>                    | Dengan penuh kesyukuran, ucapan terima kasih dan penghargaan dirakamkan kepada Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) atas sokongan dan kemudahan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Penghargaan istimewa turut ditujukan kepada W. Omar Ali Saifuddin bin Wan Ismail sebagai pensyarah penyelia atas bimbingan dan tunjuk ajar yang sangat bernilai. Terima kasih juga diberikan kepada pihak pentadbiran, guru serta pelajar Tingkatan 1 di Sekolah Menengah Harian Kuala Terengganu atas kerjasama sebagai responden. Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli kumpulan atas komitmen dan dedikasi yang memastikan kajian ini dapat disempurnakan dengan baik.                               |
| <b>Penyataan Pembiayaan:</b>           | Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| <b>Pernyataan Konflik Kepentingan:</b> | Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE).                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| <b>Pernyataan Etika:</b>               | Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyataan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| <b>Pernyataan Sumbangan Penulis:</b>   | Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. [Penulis 1] mengetuai penyelarasan projek, pengkonsepan idea, serta reka bentuk kajian. [Penulis 2] dan [Penulis 3] bertanggungjawab dalam pencarian bahan rujukan, penyaringan artikel, dan penulisan sorotan literatur. [Penulis 4] mengendalikan pembangunan metodologi serta instrumen kajian. [Penulis 5] menguruskan proses pengumpulan data di lapangan dan menjalankan analisis data awal. [Penulis 6] menyumbang kepada tafsiran dapatan kajian serta penyediaan draf manuskrip. [Penulis 7] melaksanakan semakan kritikal terhadap format akhir manuskrip mengikut garis panduan yang ditetapkan. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan. |

## Rujukan

- Abu Bakar Yusof, Mohd Syaubari Othman, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, & Mohd Afifi Bahurudin Setambah. (2022). Keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang mengintegrasikan pengajaran abad ke 21 (PAK 21) di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah Negeri Sabah. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 5(2), 52–65.
- Aminamul Saidah, M. N., Bity Salwana, A., & Zamri, M. (2021). Pendigitalan pendidikan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia (JPPTM)*, 1(1).
- Asrulla, R., Risnita, R., Jailani, M. S., & Jeka, F. (2023). Populasi dan sampling (kuantitatif), serta pemilihan informan kunci (kualitatif) dalam pendekatan praktis. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 7(3), 26320–26332.
- Fatin Izati, M. T., & Farah Hanan, A. B. (2021, April 6). Pendidikan digital era IR 4.0 dalam Pendidikan Islam [Kertas kerja]. *International Conference on Syariah & Law (ICONSYAL 2021)*.
- Ishak, M., Arshad, M. M., Fakhruddin, F. M., Ismail, I. A., Ismail, H., Ahmad, S., Ramlan, S. R., Abdullah, H., Mat Saad, N. S., & Syed Sahurilo, S. N. (2021). Tinjauan tahap prestasi peranan guru Pendidikan Islam sebagai pemangkin perubahan ke arah pembentukan masyarakat madani melalui kaedah pendidikan Islam tidak formal. *Journal of Islamic Education Studies*, 10, 1–15.
- Jahidih Saili, & Muhamad Suhaimi Taat. (2024). Revolusi Pendidikan Islam abad ke-21: Eksplorasi tahap amalan kreativiti dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. *Borneo Akademika*, 8(1), 30–39.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2021, September 25–26). Metode pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif untuk Pengajian Islam dan Pendidikan Islam. *Bengkel Reka Bentuk Penyelidikan Kualitatif Siri 5, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)*.
- Mohd Arubi Ismail, Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Musa Mohamad, Mohd Zamrus Ali, & Rossidi Usop. (2025). Fiqh al-Sirah dan fungsinya dalam penerapan pengajaran dan iktibar daripada Sirah Nabawiyah pada zaman moden. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10(74), 182–200.
- Muhamad Faizzuddin Zainol Aman, & Hafizhah Zulkifli. (2024). Pembelajaran berasaskan realiti terimbuh dalam Pendidikan Islam. *Bitara: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 7(2), 66–79.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Muhammad Faris Faisal Ahmad Raddi, & Nur Najwa Hanani Abd Rahman. (2024). Cabaran pengajaran bidang Sirah bagi guru pelatih Pendidikan Islam. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(3), 519–529.
- Nur Adibah Liyana Awi, & Zulkifli, H. (2021). Amalan kreativiti guru Pendidikan Islam dalam pembelajaran abad ke-21. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(1), 40–54.
- Nurul Hidayana Mohd Noor, & Amirah Mohamad Fuzi. (2024). Teknik persampelan dan penentuan saiz sampel bagi penyelidikan sains sosial. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(4), 313–326.
- Rosnani Hashim, Muhammad Zahiri Awang Mat, Adnan Abd Rashid, Ainol Madziah Zubairi, & Mohd Farid Mohd Shahrani. (2022). Pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah bagi menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21 dari perspektif guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(1), 65–79.

- Saili, J., Taat, M. S., & Awang Japilan, N. H. (2025). Impak pengalaman mengajar terhadap integrasi teknologi dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 8(1).
- Salleh, N. N., & Wan Abdullah, W. A. A. (2024). Minat dan kaedah pembelajaran Sirah menggunakan permainan digital. *IPGM Kampus Raja Melewar*.
- Shaari, A. S. (2022). Kaedah penyelidikan pendidikan kuantitatif. *UUM Press*.
- Siti Fatimah Osman. (2023). Faktor bahan bantu mengajar yang menyokong pengamalan pemikiran kritis guru Pendidikan Islam dalam meningkatkan kemahiran pembelajaran abad ke-21. *Sains Insani*, 8(1), 101–108.
- Siti Mariam Abdul Razak, & Mardzelah Makhsin. (2024). Pembelajaran bermakna melalui inovasi Kit i-Sir dalam Pendidikan Islam. *Semarak International Journal of Islamic Studies and Culture*, 2(1), 69–77.
- Suhaida Mohd Sukis, Muhamad, N., & Borham, A. H. (2023). Amalan pentaksiran alternatif digital guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah kebangsaan. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 7(1), 44–57.
- Suriani Sudi, Wazir, R., & Mohd Zin, S. M. (2023). Penggunaan laman web dan aplikasi dalam pengajaran hadis di Universiti Islam Selangor. *Journal Hadis*, 13(26), 62–70.
- Taat, M. S., Talip, R., Kiflee, D. N. A., & Japuni, M. N. M. (2022). Pembelajaran atas talian, media digital dan sikap akademik pelajar: Satu tinjauan di negeri Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11).
- Tajul Asmawee, N. F., Wan Maizon, W. S., Wan Alauddin, W. N., & Syed Hassan, S. N. (2024). Transformasi digital dalam pembelajaran dan amalan Islam: Analisis aplikasi Muslim Pro. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 7(12), 1–18.
- Tan Bee Piang, & Shazlin Abdullah. (2025). E-pembelajaran kepelbagaian budaya: Pembangunan dan penilaian laman web interaktif untuk Pendidikan Moral. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(3), 15–37.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, & Fairuzzah Harun. (2024). Kajian terkini tentang penyelidikan pendidikan dalam Pendidikan Islam. *Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Raja Melewar*.
- Zulkifli, M. H., Ramli, I., & Ramlie, H. A. (2025). Perbezaan keberkesanan kaedah PAK-21 dan tradisional dalam pengajaran guru pendidikan Islam. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(5), 203–214.